

CNS5140

R GB 22-05 00171 BA006

BAH

Mahathir - Sawit

INDUSTRI SAWIT PERLU JAGA DAYA KOMPETITIFNYA, KATA MAHATHIR
KUANTAN, 22 Mei (Bernama) -- Industri minyak sawit negara perlu menjaga kedudukan kompetitifnya dengan meningkatkan penyelidikan ke atas pelbagai peringkat pengeluaran daripada penanaman hingga kepada hasil terakhirnya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, usaha itu bukan mudah tetapi ia bukan pula sesuatu yang mustahil.

"Ia memerlukan pelaburan pada paras yang lebih tinggi khususnya ke atas sumber tenaga manusia supaya industri minyak sawit mempunyai golongan kakitangan yang terlatih dan para saintis yang mahir," katanya.

Golongan kakitangan yang terlatih dan mahir itu akan membolehkan industri berkenaan membuat perancangan serta menyelesaikan masalah di beberapa peringkat peredaran pengeluaran dan pemasaran, kata beliau ketika merasmikan kilang FPG Oleochemical Sdn Bhd, di sini.

Kilang itu ialah hasil usahasama Perbadanan Kilang Felda dengan Syarikat Proctor and Gamble (P&G), Amerika Syarikat, dalam pengeluaran bahan ester metil, alkohol lemak dan gliserin yang diperlukan untuk pengeluaran barangan cucian, kosmetik, dan penjagaan kesihatan. -- Lagi.

▼22/05/11-04MST

CNS5150

R GB 22-05 00146 BA007

BAH

Mahathir - Sawit 2 Kuantan

Jumlah pelaburan kilang itu, yang dikatakan loji oleokimia terbesar di Asia dengan kapasiti pengeluaran 200,000 tan setahun, ialah RM330 juta.

Dr Mahathir berkata, sungguhpun kerajaan berpuas hati dengan industri minyak sawit masa kini tetapi bukan masanya untuk berpuas hati dan berpeluk tubuh.

"Sebenarnya, masa paling baik untuk menyediakan diri terhadap sebarang angkara ialah pada waktu kemewahan dan kemakmuran," katanya dan menambah kata bahawa sektor minyak dan lemak merupakan urusaniaga yang paling kompetitif dan memerlukan mutu barangan yang tertinggi.

Dr Mahathir juga berkata, antara keperluan penting sektor perladangan ialah penggunaan jentera ekoran masalah kekurangan pekerja di ladang-ladang. Penggunaan jentera bukan sahaja dapat mengatasi masalah tenaga buruh tetapi dapat meningkatkan kadar produktiviti.

"Ini merupakan masalah genting yang perlu diatasi industri minyak sawit supaya sentiasa sihat, cergas dan sedia bersaing," katanya. -- Lagi.

▼22/05/11-11MST

CNS5156

R GB 22-05 00135 BA008

BAH

Mahathir - Sawit 3 Kuantan

Kerajaan akan memainkan peranannya bagi menjalinkan suasana dagangan yang sesuai dan menggalakkan agar proses peralihan ekonomi ke arah perindustrian akan terus berkembang, katanya.

Pada hakikatnya, kata Dr Mahathir lagi, pembangunan berasaskan pertanian dan komoditi utama adalah tidak stabil serta terdedah kepada manipulasi pasaran.

Menyedari hakikat itu, kerajaan akan meningkatkan usaha untuk terus melaksanakan proses perindustrian untuk menambah nilai kepada bahan-bahan mentah keluaran negara agar dapat mengurangkan pendedahan terhadap ketidak-tentuan harga komoditi, katanya.

Ekonomi Malaysia, katanya, ialah sebahagian daripada ekonomi rantau pinggir pasifik yang telah dikenal pasti sebagai kawasan perkembangan ekonomi yang pesat bagi tempoh abad ke-21.

Prospek yang dinamik itu, merupakan bukan sahaja suatu rahmat tetapi juga satu cabaran yang mesti dihadapi dengan bijak dan tabah hati. -- Lagi.

▼22/05/11-15MST

CNS5163

R GB 22-05 00211 BA009

BAH

Mahathir - Sawit 4 (Akhir) Kuantan

"Sebagai negara membangun, kita tidak boleh berlagak sebagai negara maju. Kita harus menggunakan kelebihan perbandingan yang ada pada kita, terutamanya kos rendah kita, tanpa dipengaruhi oleh hasutan daripada pihak yang bersaing dengan kita yang ingin melihat kos kita meningkat," katanya.

Mengenai perusahaan oleokimia, Perdana Menteri berkata, ia telah dikenal pasti sebagai antara industri yang mempunyai potensi cerah mengikut Pelan Induk Perindustrian Malaysia.

Malaysia kini menjadi sebuah negara pengeluar oleokimia terkemuka di dunia dengan kapasiti pengeluarannya dijangka mencapai 1.3 juta tan pada tahun 1994, dan keluaran negara yang dianggarkan meningkat kepada 20 hingga 25 peratus daripada jumlah oleokimi dunia yang dihasilkan daripada bahan-bahan minyak yang bukan petroleum.

Perkembangan industri itu juga, katanya, jelas terlihat daripada segi peningkatan penggunaan minyak sawit dan minyak isi sawit oleh sektor oleokimia itu iaitu daripada hanya menggunakan dua peratus daripada minyak sawit dan isi sawit pada 1989, ia dijangka meningkat kepada 10 peratus pada tahun 1995.

Manakala eksport oleokimia pula dijangka menyumbang 10 peratus daripada jumlah nilai eksport pengeluaran sawit negara, katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob, beberapa menteri kabinet serta anggota-anggota exco kerajaan negeri. -- Bernama.

AWA KAM.

▼22/05/11-21MST